Bunuh diri atau...

Penulis **Dian**



Nama aku Dian — tahun ini umurku 24 tahun. Sepanjang hidupku, tak pernah aku ada kawan — *yes, I'm a loner* — aku tak suka bergaul dengan orang — kalau bercakap atau berborak tu *okay* bagi aku, tapi nak berkawan, *hanging out, girls time* la-di-da berbintikan huhahuha — memang tak larr. Aku tak suka semua aktiviti sosial dalam konteks yang dikategorikan sebagai berfoya-foya, bersuka-suka, berseronok-seronok, berpesta-pesta entah-pappe.



Dalam keluarga pun aku adalah anak tunggal. Pernah sekali tu masa *first* sem diwajibkan duduk asrama. Aku terpaksalah hadap beberapa ragam manusia dalam satu tempoh masa yang agak lama. Habis jer sem satu — terus aku cari rumah sewa berdekatan dengan kampus, dan rumah sewa ini tak naklah nak *share* dengan pelajar lain. Sanggup aku bayar lebih sikit asalkan aku tinggal sorang. Jenuh jugaklah mama dengan abah asyik nak *bank in* duit kat aku masa tu.

Gangguan pertama terjadi pada hari pertama aku pindah di rumah sewa ini. Masa tu, minggu pertama

sebelum kuliah bermula — sebelum membungkam di dalam bilik kuliah — aku nak membiasakan diri dengan rumah sewa dulu.

Aku ingat lagi, jam 12:00 tengah malam. Aku ni memang suka tidur lewat malam — khusyuk menghadap *laptop* layan drama Korea sampai ke pagi.

Aku masih ingat, sebelum masuk bilik tidur malam tu aku dah tutup semua lampu dan kunci pintu depan — kira-kira jam 12:00 aku dengar pintu depan macam dibuka — beberapa saat lepas tu, aku nampak cahaya dari bawah pintu bilik — lampu di ruang tamu rumah menyala. Aku ni jenis tak takut dan tak mudah nak fikir bukan-bukan. Aku pun *paused* larr drama Korea, terus keluar dari bilik. Amik kaw! Pintu depan rumah terkangkang luas dan lampu semua menyala.

Dian : Aik... 100% memang *sure* aku dah kunci pintu dan dah padamkan lampu. Siapa pula yang nyalakan semua lampu ni?

Melihat pintu terkangkang luas, aku pun cepat-cepatlah kunci pintu, lepas tu padamkan lampu. Malam tu aku tidur dalam jam 3:00 pagi — lena uhwoo aku tidur — bangun-bangun jer jam dah pukul 11:00 pagi — cantik betul perangai anak dara Yaakub ni. Hahaha.

Masa aku mandi, aku perasan badan aku berlebam-lebam — biru sana biru sini. Nak kata aku ni

sleepwalking tak pernah pula aku ada *experience* tidur sambil merayap. Justeru aku pun melogikkan fikiranku...

Dian : Mengigau sampai terpukul diri sendiri kot.

Nak sedapkan perasaan jer supaya logik aku ini tidak menggundahkan diriku — sebenarnya.

Walaupun aku dah tengok badan lebam-lebam kebiruan takde rasa cuak sedikit pun.

Lepas selesai mandi aku keluar dari bilik — terkejut raban aku tengok TV di ruang tamu menyala — siap ada makanan lagi berselerak atas meja — macam ada orang menghuni dalam rumah ini selain aku. Masa ini aku tak nak fikir bukan-bukan — aku kemas ruang tamu, tutup TV cabut sekali *plug*.

Malam kedua, gangguan terjadi aku rasa mungkin terlebih tengok cerita hantu sampai terbawa-bawa dalam tidur — gangguan ini berlaku pada jam 2:00 pagi.

Aku tak ingat macam mana aku boleh tertidur, sebab masa aku tersedar *laptop* masih *on* lagi cerita yang aku tengok malam tu. Apa yang membuat aku tersedar — aku rasa macam ada orang tarik kaki aku — alarr macam dalam cerita *The Conjuring* — *yes, exactly like that!* Sedar-sedar jer dalam keadaan mamai — aku menggetus...

Dian : Siapa tarik kaki aku ni?

Ketika itu aku fikir kakiku kena tarik tentulah ianya ada kena-mengena dengan saintifik. Jadi, aku tak fikirlah fenomena seram ini berbinti paranormal.

Lepas kakiku kena tarik malam tu, dah tak ada apa-apa gangguan berulang lagi. Gangguan seterusnya terjadi pada malam sebelum esoknya kuliah bermula.

Aku ingat lagi, malam tu aku terus ambil kunci kereta berdesup keluar dari rumah sewa tu 😔 ceritanya macam ni...

Sekitar jam 9:00 malam, aku dengar ada orang ketuk pintu depan. Aku fikirlah secara positif — ingatkan jiran ker apa ker — aku bukalah pintu. Masa aku buka pintu, rasa macam angin kuat melimpas seluruh tubuhku, tapi tak ada orang pun berada di depan pintu.

Dalam debaran jantungku berdegup laju, memang dah pelik semacam — nak jer mencarut — takut lain pula jadi, sebab masa ini memang aku syak ada sesuatu yang tak kena dengan rumah sewa ini — sekali lagi, aku *ignore* fenomena seram ini.

Aku masuk bilik tidur dan *get ready* nak tidur. Belum sampai beberapa minit nak lelapkan mata, aku terdengar seSEOrang panggil namaku.

SEO : Dian...

Bodohnya aku masa tu dengan selamba tanpa takut-takut, boleh pula aku jawab...

Dian : Ye! Siapa tu?

Sumpah, sampai sekarang menyesal jadi bodoh. Selepas aku jawab, automatik *blackout* diikuti bunyi ketawa kanak-kanak perempuan — berderau terus darah dalam badanku masa tu — nak tak nak, aku kena positifkan diri berkiblatkan dakyah *Sang-Motivators* yang sering menggogah penonton TV — nekad nak usyar juga seluruh rumah — aku nak pastikan takde orang lain dalam rumah sewa ini selain aku. Berbekalkan *flashlight* dari telefon bimbit — aku keluar bilik selepas membaca 3 Qul.

Lima langkah selepas aku keluar bilik, terus aku menyesal beriman kepada kiblat dakyah *Sang-Motivators* yang seronok menggogah penonton TV — aku nampak budak perempuan tergantung di ruang tamu rumah sewa ini — tak tahu sama ada budak perempuan ini mati bunuh diri ataupun ada orang yang gantung budak perempuan ini di ruang tamu, sebab macam mustahil pula budak perempuan yang besar ini nak menggantung dirinya — masa ini jiwa yang terbenam dalam badan aku dah betul-betul kecut-berut teramat gerun lagi ngeri seraya menggamang.



Spontan dimulakan dengan bacaan Bismillah diikuti dengan ayat Qursi dan 3 Qul — perlahan-lahan aku masuk bilik capai kunci kereta, terus pecut keluar dari rumah sewa. Tudung entah ke mana, bajuku masih lagi baju Hello Kitty...

Dian : Ya Allah...

Allah sahaja tahu perasaan aku ketika itu. Malam itu aku duk dalam kereta berdekatan dengan hotel — nak menginap di hotel, aku tak ada bawa *purse* — nasib baik telefon bimbit ada — malam itu juga aku menelefon mama dengan abah — dia orang terus ✈️ *book flight* nak bertemu denganku.

Hari esoknya, aku, mama, dan abah, pergi rumah sewa tu — jumpa sekali tuan rumah yang berurusan dengan abah ketika rumah sewa ini bakal menjadi fenomena seram dalam hidupku.

Mula-mula tuan rumah berkeras tak nak cerita apa sebenarnya berlaku? Lepas abah mendesaknya, akhirnya tuan rumah mengaku yang rumah sewa ini pernah jadi kes seorang wanita bunuh anaknya sebelum menggantung anaknya di ruang tamu — lepas tu wanita itu menelefon polis cakap anaknya bunuh diri. Lepas kantoi yang wanita ini bunuh anaknya — dia jadi gila.

Dua bulan lepas tragedi kes pembunuhan di rumah sewa tersebut, wanita itu meninggal dunia sebab

kemurungan. Ada orang cakap, wanita itu jadi gila sebab suaminya curang — Wallahualam.

Kesian anak yang tak berdosa menjadi mangsa. Maaflah kalau tak seram sangat 😁 ehh. Jumpa dilain entri. 👻



Hutan “bunuh diri” di kaki Gunung Fuji

Jurnalis **Agensi**



YAMANASHI, Jepun ¶ Sebuah hutan tebal yang menjadi lokasi tumpuan membunuh diri di kaki Gunung Fuji menjadi *viral*, selepas seorang penulis *blog* — Logan Paul — memuat naik video ke laman **YouTube** yang memaparkan mayat seorang lelaki tergantung di atas pokok.



Hutan Aokigahara berkeluasan 35 kilometer persegi itu didakwa menjadi lokasi lebih 200 individu membunuh diri pada tahun 2010.

Namun, pihak berkuasa kini didakwa cuba untuk mengurangkan kaitan hutan tersebut dengan kadar bunuh diri apabila enggan mendedahkan jumlah sebenar kematian.

Setiap tahun, pihak berkuasa dikatakan terpaksa mengeluarkan berpuluh-puluh mayat daripada hutan tebal tersebut dan ada juga yang tidak dapat dikesan sehingga bertahun-tahun lamanya.

Justeru, pelbagai inisiatif dilakukan bagi mengurangkan kejadian membunuh diri daripada terus berulang, antaranya dengan meletakkan papan tanda

yang mengingatkan mereka terhadap ahli keluarga serta memaparkan nombor telefon organisasi pencegahan bunuh diri bagi mendapatkan khidmat nasihat.

Sehingga kini, pelbagai barangan boleh dilihat di kawasan sekitar hutan itu termasuk kelengkapan perkhemahan dan pakaian. – ***Kosmo!***

